

PEMBINGKAIAN BERITA ETNIK DALAM AKHBAR-AKHBAR ALIRAN PERDANA DI MALAYSIA

NURUL AIN A.HAMID & FARIDAH IBRAHIM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Pembingkaian (framing) memainkan peranan penting untuk memahami peranan media dalam pembinaan sesuatu berita. Pembingkaian adalah proses yang mencerminkan keputusan oleh pengamal media tentang apa yang dianggap penting atau layak untuk dijadikan berita yang mampu mempengaruhi pemikiran. Kajian ini bertujuan untuk melihat pembingkaian berita etnik dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia dan mengenal pasti perbezaan atau persamaan bingkai berita etnik yang disiarkan dalam akhbar-akhbar ini. Dengan menggunakan kombinasi kaedah analisis kandungan kuantitatif dan kualitatif melalui perbincangan kumpulan fokus, kajian ini menganalisis pembingkaian berita etnik yang dilaporkan dalam akhbar aliran perdana iaitu Utusan Malaysia, The Star, Berita Harian dan New Straits Times. Hasil kajian mendapati akhbar Utusan Malaysia lebih memberikan tumpuan terhadap pemaparan berita etnik berbanding akhbar-akhbar lain. Bingkai tanggungjawab dilihat paling banyak digunakan dalam setiap akhbar kerana isu etnik merupakan isu yang penting dan memerlukan keprihatinan yang tinggi daripada semua pihak. Responden dari kajian kumpulan fokus pula berpendapat bahawa pembingkaian berita etnik yang dilaporkan dalam akhbar adalah mengikut latar belakang etnik masing-masing.

Kata kunci: *pembingkaian, berita, khalayak, akhbar aliran perdana, isu etnik*

FRAMING OF ETHNIC NEWS IN FOUR MAINSTREAM NEWSPAPERS IN MALAYSIA

Abstract

News framing is an important element in understanding the role of the media in news coverage. News framing refers to the decisions associated with news gatekeeping as to what is considered important in the news which has the potential to influence the audience. The purpose of this study is to see how four Malaysian mainstream newspapers framed ethnic issues. Using mixed methods between content analysis and focus group interviews, this paper highlights the trends of news framing on ethnic issues by Utusan Malaysia, The Star, Berita Harian and New Straits Times. The results of the study showed that Utusan Malaysia is the most prominent in terms of ethnic news coverage among the newspapers studied. The responsibility frame is the most dominant since ethnic news are important issues that need to be treated carefully. Results from the focus group interviews indicated that respondents tend to see the framing of ethnic issues by the four newspapers are in accordance to the newspapers' background and ethnic preferences.

Keywords: *framing, news, audience, mainstream newspapers, ethnic issues*

Pengenalan

Media massa sememangnya memiliki peranan penting dalam kehidupan manusia. Pada prinsipnya media dan masyarakat sosial adalah sesuatu yang sukar untuk dipisahkan. Media massa bukan sahaja bertanggungjawab untuk mendidik, memotivasi dan memaklumatkan masyarakat tetapi merupakan medium penting kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat tentang pembangunan negara di samping akur dengan undang-undang dan dasar kerajaan demi kepentingan dan kestabilan negara. Malah, media juga digunakan untuk membantu kerajaan menyemai semangat persefahaman dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Hal ini kerana media dapat mendidik dan mengubah setiap kumpulan masyarakat yang secara traditionalnya hidup terpisah-pisah ke dalam satu kumpulan etnik yang bersepada yang mana perbezaan etnik tidak lagi menjadi sumber konflik (Viswanath & Arora, 2000). Media massa telah digunakan secara berterusan untuk mewujudkan perpaduan antara kaum dan budaya melalui pemaparan dan pemilihan isu-isu tertentu.

Latar belakang kajian

Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya, agama, dan bahasa yang berbeza. Jumlah penduduk Malaysia mencecah hampir 29.2 juta orang pada tahun 2011 berdasarkan kadar pertumbuhan kira-kira 2.1 peratus pada setiap tahun. Menurut Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan, Wan Ramlah Wan Abd. Raof, jumlah penduduk Malaysia tahun lalu meningkat sebanyak 1.54 peratus iaitu daripada 27.7 juta pada tahun 2008 kepada 28.2 juta orang (Utusan Malaysia, 22 Januari 2010). Penduduknya terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India di samping kumpulan etnik lain seperti Iban, Kadazan, Bidayuh, Melanau dan lain-lain yang hidup bersama dengan aman dan damai. Kepelbagaian etnik ini digambarkan melalui kepelbagaian budaya, agama, orientasi politik dan juga aktiviti ekonomi. Akibat daripada kepelbagaian etnik ini, struktur akhbar di Malaysia turut dipengaruhi oleh sifat-sifat masyarakat yang berbilang etnik, budaya dan bahasa. Kemajmukan masyarakat di Malaysia sememangnya merupakan sesuatu yang tidak boleh dielakkan memandangkan dari sudut sejarahnya Tanah Melayu dan seluruh Kepulauan Melayu merupakan tempat tumpuan pedagang-pedagang.

Berdasarkan senario ini, setiap akhbar di negara ini digalakkan mewujudkan perpaduan kaum melalui pemaparan mesej-mesej dan kempen-kempen yang berunsurkan perpaduan bagi menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang aman dan makmur (Badrul, 2009). Walaupun akhbar diterbitkan dalam pelbagai bahasa, namun peranannya tetap sama iaitu untuk memupuk perpaduan antara kaum. Aspek perpaduan nasional semakin ditekankan oleh kerajaan dalam usaha mengatasi permasalahan kaum selepas berlakunya peristiwa hitam pada 13 Mei 1969 (Kamarulzaman Askandar, 2007). Hal ini bersesuaian dengan konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang mampu menjadi pemangkin kepada perpaduan nasional dan membawa aspirasi untuk memperbaiki hubungan kaum bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjalin perpaduan yang lebih erat (Utusan Malaysia, 15 Jun 2009).

Meskipun demikian, untuk mencapai perpaduan di Malaysia adalah sesuatu yang agak rumit kerana perlu mempertimbangkan perbezaan dalam budaya, agama, bangsa dan gaya hidup. Justeru, akhbar memainkan peranan penting dalam usaha ke arah pencapaian kestabilan kaum dan negara. Setiap berita yang disiarkan dalam akhbar mampu memberi impak terhadap persepsi dan tindakan masyarakat. Ini kerana pengisian berita dalam media memberi pengaruh yang besar dalam kehidupan manusia yang boleh mendatangkan kesan positif dan negatif sehingga dapat mengubah corak hidup dan kepercayaan sebilangan masyarakat. Hal ini mendorong pengkaji untuk melakukan kajian bagi memahami pembingkaian berita etnik yang disiarkan oleh akhbar berbahasa Melayu dan Inggeris di negara ini.

Pembingkaian media (Media framing)

Reese (2001: 12) mendefinisikan bingkai sebagai “bentuk-bentuk ekspresi yang simbolik dengan cara menggunakan kata-kata atau visual untuk membentuk pola atau pengkategorian gambar di dalam minda khalayak”. Menurut Reese (2001), bingkai membuatkan kita berfikir tentang sesuatu fenomena sosial dalam cara tertentu. Sama ada positif atau negatif sesuatu isu yang disajikan oleh media merupakan kesan daripada pembingkaian. Pada amnya pembingkaian dan agenda media berkeupayaan dalam memilih dan menekankan beberapa isu tertentu sehingga ia menjadi penting kepada khalayak (Takeshita, 1997).

Pan dan Kosicki (1993) pula menganggap pembingkaian sebagai langkah strategik di mana pengguna memandu idea secara strategik untuk mencapai tujuan politik dan komunikatif. Ini menggalakkan seseorang untuk menempatkan, merasai, mengidentifikasi dan melabelkan kejadian atau maklumat tersebut. Setiap berita yang dilaporkan oleh media mempunyai bingkai yang berfungsi sebagai pusat organisasi idea. Menurut Entman (1993:52), pembingkaian adalah pemilihan pelbagai aspek realiti yang diterima dan membuat peristiwa tersebut lebih menonjol berbanding dengan realiti lain melibatkan proses pendefinisan masalah, tafsiran sebab dan akibat, membuat penilaian moral dan mencari penyelesaian masalah.

Scheufele dan Tewksbury (2007) melihat pembingkaian sebagai mekanisme makro yang berkaitan dengan pembinaan bingkai dan penentuan bingkai. Pembinaan bingkai dikenali sebagai “konstruk makro” oleh Shoemaker dan Reese (1996), melibatkan bagaimana sesuatu bingkai itu dibentuk. Ia merujuk kepada faktor-faktor yang mempengaruhi struktur kualiti pembingkaian berita sama ada melibatkan faktor dalaman mahupun luaran. Manakala penentuan bingkai dianggap sebagai “konstruk mikro” yang memberi tumpuan kepada penonton media dan pengaruhnya kepada mereka.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan pada bingkai media yang dibina oleh akhbar yang memberi kesan ke atas khalayak. Oleh demikian, pembingkaian berguna untuk memahami peranan media dalam pembinaan sesuatu berita. Hal ini kerana pembingkaian media adalah proses budaya yang mencerminkan keputusan tentang apa yang dianggap penting atau layak untuk dijadikan berita yang dipengaruhi oleh ruang berita, rutin kerja dan andaian-andaian yang dibuat oleh pengarang atau wartawan (Blood & Holland, 2004). Justeru, pembingkaian isu tertentu penting kerana ia boleh mempengaruhi pendapat umum berkaitan isu tersebut.

Tinjauan Susastera

Terdapat banyak kajian tentang pembingkaian etnik dilakukan. Pembingkaian isu-isu etnik dalam media, khususnya suratkhabar memberi impak yang besar terhadap masyarakat yang pelbagai etnik dan budaya. Dalam kajian yang dijalankan oleh Andrew C. Billings dan Susan Tyler Eastman (2003) menyatakan

etnik digambarkan berdasarkan ciri-ciri tertentu dalam media. Terdapat pembahagian etnik yang tidak seragam dalam liputan berita yang dilaporkan oleh berita televisyen. Media secara umum lebih cenderung menggambarkan etnik secara stereotaip dan menekankan perhatian pada permasalahan dan ancaman apabila melaporkan isu etnik (Cottle, 2000; ter Wal, 2002; van Dijk, 1991). Kajian ini diperkuuhkan dengan hasil kajian Mastro dan Stern (2003) yang menjelaskan bahawa terdapat jurang perbezaan terhadap gambaran etnik dalam kandungan iklan televisyen. Televisyen menggambarkan kumpulan etnik dengan cara yang berbeza-beza mengikut kelompok-kelompok tertentu. Mereka yang menganalisis kandungan program televisyen pada tahun 2001 mendapati bangsa kulit Hitam dan Putih paling banyak dipaparkan dalam iklan berbanding etnik lain.

Selain itu, sumber berita yang dominan akan menjadi kekuatan dalam mempengaruhi persepsi etnik dalam sesebuah masyarakat. Poindexter et al. (2003) yang mengkaji berita televisyen mendapati bahawa liputan berita dalam televisyen diasingkan berdasarkan sesuatu kaum. Mereka mendapati sumber daripada bangsa kulit Putih lebih cenderung untuk meletakkan sumber daripada kulit Putih dalam laporan mereka. Hal ini menunjukkan bahawa media hanya menekankan laporan berkaitan etnik yang mempunyai kepentingan dan berkuasa dalam masyarakat. Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa media tidak memaparkan masyarakat yang multibudaya. Ilse Devroe (2004) menyatakan terdapat kepelbagaiannya dalam komuniti etnik yang sering diabaikan. Beliau mendapati bahawa isu yang membabitkan etnik minoriti sering kali tidak mendapat perhatian dan dikecualikan serta digambarkan sebagai jahat oleh media. Media bersikap bias dalam pemaparan laporan mereka berdasarkan etnik tertentu. Media hanya melaporkan pendapat umum yang dipengaruhi atau dibahagikan berdasarkan etnik, jantina atau kumpulan politik (Anastasio et al., 2005).

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Gardikiotis, Martin dan Hewstone (2004) untuk melihat bagaimana akhbar Britain melaporkan pendapat kumpulan majoriti dan minoriti menunjukkan kumpulan majoriti digambarkan dengan lebih positif berbanding kumpulan minoriti dalam akhbar. Tidak hairanlah pandangan majoriti lebih berleluasa dan dilaporkan dengan penilaian positif dalam akhbar. Media seolah-olah lebih memberikan perhatian kepada kumpulan majoriti dan meminggirkan kumpulan minoriti dalam laporan mereka (Campbell, 1995). Penglibatan etnik minoriti dalam media juga sangat terhad. Meskipun begitu, akhbar dilihat lebih sensitif terhadap pandangan kumpulan minoriti mengenai isu-isu yang merujuk kepada masyarakat secara umum seperti isu etnik, gay dan sebagainya.

Ini sealiran dengan dengan kajian oleh Alagappar et al. (2010) yang melihat gambaran yang diberikan oleh akhbar harian Tamil khususnya Malaysia Nanban dalam memaparkan masyarakat India yang hidup berbilang bahasa dan kaum di Malaysia. Alagappar et al. mendapati kepelbagaiannya masyarakat etnik yang

berbeza sering diabaikan. Akhbar jelas menganggap etnik India sebagai komuniti minoriti yang terpinggir dalam masyarakat. Akhbar lebih membingkaikan gejala dan rungutan masyarakat India serta lebih menonjolkan masalah sosial yang dihadapi oleh mereka. Mereka menjelaskan bahawa peristiwa yang berkaitan dengan masyarakat India yang positif tidak diserlahkan sebaliknya penekanan diberikan terhadap isu-isu dan imej negatif masyarakat India termasuklah jenayah, peristiwa tragis dan kemalangan. Pemaparan sebegini boleh membawa khalayak untuk menganggap ideologi dominan yang diberikan oleh berita media ke atas etnik minoriti dibentuk dan dikategorikan sebagai stereotaip (Zhao dan Postiglione, 2010).

Dalam kajian lain, Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua dan V. Raman (2006) yang melihat gambaran isu minoriti dalam media Malaysia menjelaskan bahawa media Malaysia sentiasa melaporkan atas alasan tidak menentu apabila melaporkan isu berkaitan perkauman atau hal-hal agama dan berusaha untuk mengimbangi antara apa yang ditulis dan bagaimana untuk menulis. Mereka yang menganalisis dua isu perbalahan kaum dan agama iaitu M. Moorthy dan kes Nyonya Tahir yang dilaporkan dalam akhbar New Straits Times, Utusan Malaysia, Malaysia Nanban dan Sin Chew Daily mendapat bahawa akhbar di Malaysia masih bersifat perkauman dan ini jelas menunjukkan bagaimana akhbar-akhbar etnik melaporkan kedua-dua isu ini. Suratkhabar yang berlainan juga dilihat ‘memihak’ kepada subjek mereka dengan melaporkannya berdasarkan etnik.

Kebanyakan akhbar dilihat lebih memberikan liputan yang meluas terhadap berita yang dianggap penting kepada komuniti etnik masing-masing. Kajian yang dilakukan oleh Lee Kuok Tiung dan Mohd Safar Hasim (2009) terhadap liputan media imej seorang ahli politik Sabah, Datuk Yong Teck Lee menunjukkan akhbar yang terdapat di Malaysia cenderung dipengaruhi oleh kepentingan komuniti mereka sendiri. Hasil kajian mereka mendapat akhbar berbahasa Cina lebih banyak memberi perhatian terhadap laporan berita Datuk Yong Teck Lee berbanding akhbar-akhbar lain disebabkan oleh Datuk Yong Teck Lee merupakan pemimpin parti politik Cina dan mempunyai penyokong yang ramai di kalangan bangsa Cina.

Dalam masyarakat pluralisme seperti Malaysia, media mempunyai peranan penting untuk memberikan laporan berita yang seimbang dan adil kepada semua kumpulan etnik dalam masyarakat termasuk kumpulan minoriti. Media mempunyai tanggungjawab sosial dalam setiap liputan berita untuk memastikan khalayak lebih memahami kumpulan pribumi ini agar pluralisme dan keharmonian dapat disemai dalam masyarakat. Jika dilihat isu agama, etnik dan isu-isu sensitif yang berkaitan merupakan bidang yang sukar untuk dilaporkan dalam masyarakat yang multibudaya. Walaupun isu agama dan etnik secara biasanya dinilai dan dibilang oleh media, secara tidak sengaja akan menggambarkan salah faham atau perasaan tidak menghormati kaum lain yang berbeza kepercayaan. Secara tidak langsung, ia boleh menyebabkan kemarahan yang berterusan dalam masyarakat di mana secara sejarahnya masyarakat

dibagikan kepada suku kaum dan budaya yang berasingan (Mustafa, 2010).

Permasalahan Kajian

Jika dilihat kebanyakan akhbar-akhbar pada masa kini terlalu gemar mencetuskan sensasi secara berlebihan untuk menarik perhatian pembaca dan biasanya akan membuat masyarakat berasa bimbang dan takut dengan apa yang dipaparkan. Sebagai contoh, isu rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 adalah natijah paling besar kepada kaum dan negara Malaysia kerana rakyat telah meminggirkan nilai-nilai kerukunan di mana para pemimpin terlalu bebas bercakap secara emosional dan disemarakkan lagi oleh akhbar-akhbar yang tidak bertanggungjawab. Kebanyakan liputan akhbar pada waktu itu hanya memberikan ruang dan tumpuan kepada masalah kaum mereka sahaja. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakadilan dalam laporan dan penilaian terhadap kaum lain. Hal ini kerana setiap akhbar di Malaysia hanya cenderung melihat permasalahan etnik sebangsa dengan mereka sahaja (Alfitra Salamm, 1998: 46).

Selain itu, lebih menyedihkan lagi apabila akhbar aliran perdana yang berbahasa Melayu atau Inggeris yang difahami oleh majoriti rakyat Malaysia juga dilihat lebih bersikap perkauman apabila menerbitkan pandangan atau berita yang mengutamakan orang Melayu (The Malaysian Insider, 16 Ogos 2009). Abu Hassan Hasbullah (2009) menyatakan bahawa kebanyakan akhbar tidak mengira bahasa di negara ini memang mengamalkan sikap perkauman sama ada secara sedar atau tidak dalam liputan berita yang dilaporkan. Semua akhbar lupa mengenai agenda nasional yang perlu diutamakan dalam laporan yang dipaparkan berbanding perjuangan bangsa dan kehendak serta tuntutan kaum (Ahmad Sebi, 1991). Dengan demikian, kesan ini telah menyebabkan hubungan antara etnik semakin retak dalam masyarakat Malaysia (Lee, 2004).

Namun begitu, dalam melaporkan masalah-masalah yang melibatkan etnik atau agama dalam masyarakat multi-etnik dan budaya bukanlah sesuatu tanggungjawab yang mudah bagi media. Negara seperti Malaysia di mana sensitiviti kaum dan agama sangat diutamakan dalam setiap hal, membuatkan media berada di tempat yang genting untuk menentukan keseimbangan antara apa yang harus ditulis dan bagaimana untuk menulisnya. Selain itu, laporan yang berkaitan dengan isu-isu sensitif juga memerlukan keprihatinan yang tinggi agar liputan dapat dilaporkan dengan adil. Fico dan Drager (2001) menyatakan bahawa wartawan memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam setiap laporan untuk memastikan keadilan dan keseimbangan dalam pemberitaan yang dilaporkan.

Sehubungan itu, pemilihan sesuatu berita oleh akhbar mempunyai implikasi yang penting kerana berita boleh mencorakkan pengaruhnya ke atas khalayak terutamanya yang berkait dengan pelbagai isu etnik. Ketidakseimbangan maklumat etnik dalam akhbar boleh menimbulkan perbalahan dan konflik antara masyarakat pelbagai etnik. Sehubungan itu, pembingkaian penting dalam memahami berita media termasuklah berita-berita akhbar. Menurut Entman

(1993), aspek pembingkaian berita adalah penting kerana teks berita itu sendiri telah melalui proses pembingkaian sejak sebelum diterbitkan dan diedarkan kepada khalayak. Aspek pembingkaian penting terhadap suatu berita kerana ia salah satu faktor yang strategik bagi wartawan, pengarang dan sumber berita atau komponen media lainnya dalam konteks memilih, menonjol dan memberikan penekanan ke atas perkara-perkara tertentu dalam pembuatan dan pelaporan berita yang bersesuaian dengan agenda media tertentu. Pembingkaian isu etnik boleh dilakukan oleh media dalam berbagai-bagai orientasi. Justeru, kajian ini ingin meneliti apakah pembingkaian berita etnik yang dipaparkan oleh akhbar-akhbar aliran perdana ini? Adakah kepelbagaian akhbar ini juga turut memberi kepelbagaian berita etnik yang dipaparkan?

Tujuan kajian

Dalam konteks ini, tujuan kajian adalah untuk melihat pembingkaian berita etnik sama ada wujud perbezaan atau persamaan bingkai berita etnik yang disiarkan dalam akhbar-akhbar aliran perdana di Malaysia iaitu Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star dan New Straits Times. Pemilihan dua akhbar berbahasa Melayu dan dua akhbar berbahasa Inggeris membolehkan perbandingan liputan isu etnik dilakukan. Perbincangan akan berfokus pada liputan isu etnik dalam keempat-empat akhbar tersebut sepanjang tempoh analisis selama sebulan mulai 16 Disember 2010 hingga 16 Januari 2011 untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Melihat pembingkaian berita etnik dalam keempat-empat akhbar.
2. Mengenal pasti berita etnik yang kerap dipaparkan dalam keempat-empat akhbar.

Metodologi

Kajian ini menggunakan analisis isi kandungan untuk melihat pembingkaian berita etnik oleh keempat-empat akhbar. Pemilihan keempat-empat akhbar ini kerana Audit Bureau of Circulation (2012) menunjukkan bahawa akhbar-akhbar ini mempunyai pengedaran yang tinggi di Malaysia. Data terkini menunjukkan akhbar Utusan Malaysia mencatatkan jumlah edaran sebanyak 173,387 naskah berbanding akhbar Berita Harian sebanyak 151,490 naskah. Pengedaran akhbar berbahasa Inggeris, iaitu The Star dan New Straits Times pula mencatatkan edaran sebanyak 288,529 naskah dan 98,920 naskah pada tahun 2011. Penyelidikan ini telah memilih tempoh sebulan dari sebelum dan selepas menyambut tahun baru iaitu 16 Disember 2010 hingga 16 Januari 2011 untuk melihat pembingkaian berita etnik secara umum. Tempoh ini dipilih kerana dalam tempoh ini tidak mengehadkan pada isu-isu yang spesifik. Dalam kajian ini, setiap berita yang menggambarkan sama ada etnik Melayu, Cina, India dan lain-lain diambil sebagai unit analisis untuk pengukuran lebih lanjut. Penyelidikan ini menggunakan pengukuran bingkai generik yang dibangunkan

oleh Semetko dan Valkenburg (2000). Penjelasan lebih lanjut mengenai bingkai generik adalah seperti di bawah:

- Bingkai tanggungjawab: bingkai ini menyajikan isu atau masalah dengan memberikan tanggungjawab untuk penyebab atau penyelesaian sesuatu isu kepada pemerintah atau individu atau kumpulan.
- Bingkai konflik: bingkai ini menekankan konflik antara individu, kumpulan atau institusi.
- Bingkai minat insani: bingkai ini menekankan kepentingan manusia atau kesan emosi dalam sesuatu isu atau masalah yang boleh menarik dan menyentuh perasaan pembaca.
- Bingkai moral: bingkai ini menempatkan isu, peristiwa atau masalah dalam konteks moral dan agama.
- Bingkai kesan ekonomi: bingkai ini melihat isu, peristiwa atau masalah dari aspek kesan ekonomi terhadap individu, kumpulan, institusi atau negara.

Skema dalam pengkodan bingkai mengambil kira dengan menandakan sama ada ‘ya’ atau ‘tidak’ jika artikel berita yang digambarkan dalam keempat-empat akhbar yang terpilih sesuai dengan unit analisis. Untuk jawapan ‘ya’ disesuaikan dengan kenyataan tersebut, jurukod menandakan dengan ‘1’ manakala bagi ‘0’ untuk menjawab ‘tidak’. Skala dibina untuk setiap lima bingkai menggunakan nilai purata pernyataan bingkai tersebut. Untuk memastikan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dalam kajian ini, ujian kebolehpercayaan antara koder dilakukan. Keputusan-keputusan jurukod telah diperiksa dan indeks peratus kesepakatan Holsti’s (1969) diaplikasikan dalam statistik ini. Keputusan telah menghasilkan kesepakatan lebih dari 0.7, iaitu tahap yang boleh diterima.

Analisis data

Sebanyak 194 berita etnik telah disiarkan dalam keempat-empat akhbar yang dikaji selama sebulan sepanjang masa kajian. Akhbar Utusan Malaysia menunjukkan peratusan dan kekerapan berita etnik yang tinggi iaitu 42.8 peratus (83 berita) berbanding akhbar The Star sebanyak 23.2 peratus (45 berita), diikuti oleh Berita Harian sebanyak 21.1 peratus (41 berita) dan New Straits Times sebanyak 12.9 peratus (25 berita).

Pembingkaian berita etnik dalam akhbar aliran perdana

Jadual 1 menunjukkan nilai purata keseluruhan lima bingkai yang disiarkan oleh keempat-empat akhbar. Secara keseluruhan, bingkai tanggungjawab merupakan bingkai yang paling menonjol dan banyak diberi perhatian oleh akhbar dengan $M = .388$, $SD = .356$. Bingkai moral dan minat insani adalah bingkai kedua

dan ketiga banyak digunakan dengan $M = .321$, $SD = .402$ dan $M = .290$, $SD = .192$. Sementara bingkai konflik dan kesan ekonomi merupakan bingkai yang paling kurang menonjol dengan $M = .197$, $SD = .279$ dan $M = .065$, $SD = .171$ setiap satu.

Jadual 1: Skor Min Pembingkaian Berita Etnik Dalam Akhbar Aliran Perdana

Akhbar	Tanggung jawab	Konflik	Minat Insani	Moral	Kesan Ekonomi i	N
Utusan Malaysia	.398 (.349)	.245 (.317)	.271 (.201)	.365 (.412)	.036 (.127)	83
The Star	.285 (.355)	.130 (.227)	.322 (.164)	.415 (.445)	.081 (.161)	45
Berita Harian	.463 (.355)	.171 (.234)	.285 (.205)	.220 (.354)	.057 (.127)	41
New Straits Times	.413 (.364)	.200 (.281)	.307 (.184)	.173 (.291)	.147 (.306)	25
Jumlah	.388 (.356)	.197 (.279)	.290 (.192)	.321 (.402)	.065 (.171)	194

Nota: Jumlah dalam parentesis menunjukkan sisisian piawai

Jadual 2 menunjukkan ujian Multivariate analysis of Variance (MANOVA) bagi meneliti perbezaan yang signifikan antara bingkai yang ditonjolkan oleh akhbar aliran perdana. Dua bingkai iaitu bingkai moral dan bingkai kesan ekonomi mempunyai perbezaan yang signifikan dalam penonjolahan. Tiada perbezaan signifikan ditemui pada bingkai tanggungjawab [$F(3, 190) = 1.955$, $p = .122$], konflik [$F(3, 190) = 1.839$, $p = .141$] dan minat insani [$F(3, 190) = .765$, $p = .515$] kerana semua berada pada tahap signifikan $p > .5$.

Jadual 2: Jadual MANOVA Perbezaan Dalam Akhbar Aliran Perdana

Bingkai		SS	df	MS	F	P
Tanggungjawab	Antara kumpulan	.732	3	.244	1.955	.122
	Dalam kumpulan	23.727	190	.125		
	Jumlah	53.583	194			
Konflik	Antara kumpulan	.610	3	.141	1.839	.141
	Dalam kumpulan	21.017	190	.077		
	Jumlah	32.440	194			
Minat	Antara kumpulan	.085	3	.028	.765	.515
	Dalam kumpulan	7.002	190	.037		
	Jumlah	23.444	194			
Moral	Antara kumpulan	1.528	3	.509	3.261	.023
	Dalam kumpulan	29.667	190	.156		
	Jumlah	51.222	194			
Ekonomi	Antara kumpulan	.251	3	.084	2.959	.034
	Dalam kumpulan	5.367	190	.028		
	Jumlah	6.444	194			

Dalam menguji bingkai moral, perbezaan yang signifikan didapati antara akhbar-akhbar tersebut dengan statistik ujian F ($3, 190$) = 3.261, $p = .023$. Akhbar The Star ($M = .415$) didapati menampakkan bingkai moral lebih daripada Utusan Malaysia ($M = 365$). Ini menunjukkan bahawa akhbar ini mempunyai minat yang tinggi dalam aspek moral dalam pelaporan isu etnik. Akhbar Berita Harian ($M = .220$) memperoleh kedudukan yang sederhana dalam senarai, dan New Straits Times ($M = .173$) didapati kurang berminat dengan unsur-unsur moral dalam laporan mereka mengenai isu etnik.

Selain bingkai moral, bingkai kesan ekonomi merupakan satu lagi bingkai berita yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara akhbar-akhbar. Berbanding dengan akhbar lain, New Straits Times ($M = .147$) didapati menekankan bingkai

kesan ekonomi paling banyak. The Star ($M = .081$) pula adalah sederhana dalam senarai manakala Berita Harian ($M = .057$) dan Utusan Malaysia ($M = .036$) didapati agak tidak berminat dalam menggambarkan isu etnik menggunakan bingkai kesan ekonomi.

Pembingkai identiti dari kumpulan etnik

Jadual 3 menunjukkan akhbar paling berminat untuk menggambarkan etnik Cina dan India dengan menggunakan bingkai konflik ($M = .680$, $SD = .228$) dalam laporan berita etnik. Sementara lain-lain etnik seperti Iban, Bidayuh, Kadazan, dan lain-lain banyak menekankan bingkai minat insani ($M = .417$, $SD = .118$), bingkai moral ($M = .833$, $SD = .236$) dan bingkai kesan ekonomi ($M = .333$, $SD = .000$). Manakala etnik Melayu dan India ($M = .688$, $SD = .327$) menekankan bingkai tanggungjawab.

Jadual 3: Skor Min Pembingkai oleh Kumpulan Etnik

Etnik	Tanggungjawab	Konflik	Minat Insani	Moral	Kesan Ekonomi	N
Melayu	.354 (.334)	.275 (.372)	.215 (.211)	.472 (.428)	.056 (.161)	24
Cina	.264 (.264)	.467 (.440)	.243 (.208)	.236 (.333)	.111 (.272)	24
India	.546 (.388)	.345 (.292)	.224 (.136)	.172 (.329)	.012 (.062)	29
Melayu & Cina	.426 (.345)	.489 (.376)	.259 (.252)	.444 (.408)	.000 (.000)	9
Melayu & India	.688 (.327)	.300 (.302)	.313 (.259)	.042 (.118)	.000 (.000)	8
Cina & India	.367 (.321)	.680 (.228)	.167 (.118)	.200 (.298)	.000 (.000)	5
Lain-lain	.250 (.118)	.000 (.000)	.417 (.118)	.833 (.236)	.333 (.000)	2
Semua etnik	.395 (.352)	.032 (.109)	.373 (.147)	.377 (.419)	.079 (.163)	38
Tiada fokus etnik	.324 (.366)	.120 (.254)	.330 (.188)	.346 (.435)	.085 (.184)	55
Jumlah	.388 (.356)	.236 (.335)	.290 (.192)	.321 (.402)	.065 (.171)	194

Nota: Jumlah dalam parentesis menunjukkan sisihan piawai

Ujian F menunjukkan perbezaan signifikan dalam ketampakan bingkai daripada kumpulan etnik. Jadual 4 menunjukkan bahawa hanya empat daripada lima bingkai yang mempunyai perbezaan yang signifikan iaitu bingkai tanggungjawab [$F(8, 185) = 2.191, p = .030$], konflik [$F(8, 185) = 8.257, p = .000$], minat insani [$F(8, 185) = 2.874, p = .005$] dan moral [$F(8, 185) = 2.347, p = .020$]. Perbezaan etnik tidak ketara dalam bingkai kesan ekonomi [$F(8, 185) = 1.783, p = .083$].

Jadual 4: Jadual MANOVA Membuktikan Perbezaan oleh Kumpulan Etnik

Bingkai		SS	df	MS	F	P
Tanggungjawab	Antara kumpulan	2.117	8	.265	2.191	.030
	Dalam kumpulan	22.342	185	.125		
	Jumlah	53.583	194			
Konflik	Antara kumpulan	5.690	8	.711	8.257	.000
	Dalam kumpulan	15.937	185	.077		
	Jumlah	32.440	194			
Minat	Antara kumpulan	.783	8	.098	2.874	.005
	Dalam kumpulan	6.303	185	.037		
	Jumlah	23.444	194			
Moral	Antara kumpulan	2.874	8	.359	2.347	.020
	Dalam kumpulan	28.320	185	.156		
	Jumlah	51.222	194			
Ekonomi	Antara kumpulan	.402	8	.050	1.783	.083
	Dalam kumpulan	5.215	185	.028		
	Jumlah	6.444	194			

Berita etnik yang kerap dipaparkan dalam akhbar-akhbar aliran perdana

Jadual 5 menunjukkan berita sesuatu etnik yang sering dipaparkan dalam akhbar. Akhbar Utusan Malaysia kerap melaporkan berita tentang etnik Melayu sebanyak 21.7 peratus (18 berita), manakala akhbar The Star banyak melaporkan etnik

India iaitu 33.3 peratus (15 berita). Akhbar Berita Harian dan New Straits Times pula melaporkan semua etnik dalam pemberitaannya iaitu 40.0 peratus (10 berita) dan 22.0 peratus (9 berita). Terdapat tiga akhbar yang tidak memfokuskan kepada mana-mana etnik dalam pemaparan berita etnik iaitu Utusan Malaysia sebanyak 24.1 peratus (20 berita), The Star sebanyak 35.6 peratus (16 berita) dan New Straits Times iaitu 31.7 peratus (13 berita). Ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga akhbar ini hanya memaparkan berita etnik secara umum sahaja.

Jadual 5 : Etnik yang Dominan Dalam Akhbar-akhbar Aliran Perdana

Etnik/ Akhbar	Utusan Malaysia		The Star		Berita Harian		New Straits Times		Jumlah	
	k	%	k	%	k	%	k	%	k	%
Melayu	18	21.7	1	2.2	0	0.0	5	12.2	24	12.4
Cina	15	18.1	3	6.7	4	16.0	2	4.9	24	12.4
India	6	7.2	15	33.3	3	12.0	5	12.2	29	14.9
Melayu & Cina	7	8.4	1	2.2	1	4.0	0	0.0	9	4.6
Melayu & India	1	1.2	1	2.2	0	0.0	6	14.6	8	4.1
Cina & India	3	3.6	0	0	1	4.0	1	2.4	5	2.6
Lain-lain	0	0.0	2	4.4	0	0.0	0	0.0	2	1.0
Semua etnik	13	15.7	6	13.3	10	40.0	9	22.0	38	19.6
Tiada fokus etnik	20	24.1	16	35.6	6	24.0	13	31.7	55	28.4
Jumlah	83	100	45	100	25	100	41	100	194	100

Kesimpulan

Kajian telah mengenal pasti bingkai yang paling menonjol yang dibina oleh media aliran perdana dalam pembingkaian berita etnik. Daripada perbandingan penonjolan bingkai, kajian ini mendapati bahawa bingkai tanggungjawab adalah bingkai yang paling menonjol dan banyak diberi perhatian dalam akhbar.

Bingkai tanggungjawab paling dominan kerana apabila berkaitan dengan isu etnik, ia memerlukan tumpuan yang lebih pada unsur-unsur tanggungjawab dalam liputan berita yang dilaporkan oleh wartawan atau pengeluar jika mereka mahu menyebarkan perpaduan.

Penemuan juga menunjukkan bahawa pembingkai berita etnik dalam akhbar-akhbar di Malaysia lebih cenderung mengikut kepada kepentingan dan minat komuniti etnik masing-masing. Liputan akhbar lebih dipandu oleh berita pilihan mereka dan memaparkan berat sebelah dalam masyarakat. Penulisan etnik yang dilaporkan juga tidak mencerminkan kepelbagaiannya dalam masyarakat dalam erti kata lain, ia lebih menjurus kepada keutamaan etnik serta latarbelakang akhbar yang dikaji. Hal ini adalah kerana akhbar di Malaysia berhubung rapat dengan masyarakat yang menjadi pembaca utama kepada akhbar tersebut (Faridah Ibrahim, 1995).

Masyarakat yang pelbagai etnik sama ada secara langsung atau tidak, memainkan peranan penting dalam mengekalkan hubungan etnik di Malaysia yang menjadi tonggak kepada keberhasilan dan keharmonian sesuatu negara. Negara Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik, maka untuk memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan yang aman damai, perpaduan antara warganya yang berbilang kaum harus terus dipupuk dan dibaja agar ia tidak bergelora sehingga menyebabkan kepada kemusnahan negara bangsa. Oleh itu, peranan media penting dalam memupuk perpaduan kaum di negara ini.

Media perlu lebih memberi penekanan dalam menyampaikan mesaj yang berunsurkan perpaduan dalam liputan berita dalam usaha memperkuatkan perpaduan dan persefahaman antara masyarakat yang berbilang kaum di negara ini. Lebih banyak berita perpaduan harus diberikan untuk mendidik orang ramai mengenai pentingnya toleransi, hormat-menghormati antara satu sama lain. Selain itu, media juga perlu melaporkan keseimbangan dalam berita dengan mengambil kira kewujudan pelbagai etnik dan budaya. Selain itu, wartawan daripada pelbagai etnik perlu sedar akan kepentingan kepelbagaiannya dalam kandungan berita. Mereka hendaklah memaparkan isu-isu yang melibatkan semua kaum bukan hanya menekankan pada isu kaum-kaum tertentu sahaja. Organisasi media juga perlu berusaha meletakkan wartawan yang berbilang etnik dalam bilik berita agar berita yang dilaporkan mencerminkan kepelbagaiannya komuniti di Malaysia.

About the Authors

Nurul Ain A.Hamid is currently pursuing Masters of Philosophy in Communication at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dr Faridah Ibrahim is an Associate Professor in journalism at the same School. The authors can be contacted at ain_ainz@yahoo.com and fbi@ukm.my, respectively.

Rujukan

- Ahmad Zaki Chamil. (2012). Daftar Media Edisi 2012. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute (MPI).
- Anastasio, P. A., Rose, K., & Chapman, J. (2005). The Divisive Coverage Effect: How Media May Cleave Differences of Opinion Between Social Groups. *Communication Research*, 32(2): 171-192.
- Billings, A. C. & Eastman, S. T. (2003). Framing Identities: Gender, Ethnic and National Parity in Network Announcing of the 2002 Winter Olympics. *Journal of Communication*, 53(4): 569-586.
- Blood, W. & Holland, K. (2004). Risky News, Madness and Public Crisis: A Case Study of the Reporting and Portrayal of Mental Health and Illness in the Australian Press. *Journalism*, 593: 323-342.
- Campbell, C. P. (1995). *Race, Myth and the News*. Thousand Oaks: Sage
- Cottle, S. (2000). *Ethnic Minorities and the Media: Changing Cultural Boundaries*. Buckingham: Open University Press.
- Dana E. Mastro & Susannah R. Stern. (2003). Representations of race in television commercials: A content analysis pf prime-time advertising. *Journalism of Broadcasting & Electronic Media*, 47(4): 638-647.
- Devroe, I. (2004). ‘This is Not Who We Are’: Ethnic Minority Audiences and Their Perceptions of the Media. Paper presented at the Conference Dialogue ‘Communication and Cultural Diversity’, Barcelona, 24-27 May 2004.
- Entman, R.M. & Rojecki, A. (1993). Freezing Out the Public: Elite and Media Framing of the U.S. Anti-Nuclear Movement. *Political Communication*, 10(2): 155-173.
- Faridah Ibrahim. (1995). Participation in Newsroom Decision-Making: A Study in Role Stress. *Jurnal Komunikasi*, 11: 43-59.
- Fico, F. & Drager, M. (2001). News Stories About Conflict Generally Balanced. *Newspaper Research Journal*, 22: 2-4.
- Gardikiotis, A., Martin, R. & Hewstone, M. (2004). The Representation of Majorities and Minorities in the British Press: A Content Analytic

- Approach. European Journal of Social Psychology, 34: 637-646.
- Halimahton Shaari, Ngu Teck Hua & V. Raman. (2006). Covering Race and Religion: The Moorthy and Nyonya Tahir Cases in Four Malaysian Newspapers. Kajian Malaysia, xxiv(1 & 2):185-201.
- Kamarulzaman Askandar (2007). Perpaduan dan Perdamaian Etnik. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Lee, R. L. M. (2004). The Transformation of Race Relations in Malaysia: From Ethnic Discourse to National Imagery, 1993-2003. African and Asian Studies, 3(2): 119-142.
- Lee Kuok Tiong & Mohd Safar Hasim. (2009). Media Framing of a Political Personality: A Case Study of a Malaysian Politician. European Journal of Social Science, 9(3): 408-424.
- Mustafa, K. A. (2010). Epilogue. (pngr.). Dlm. Loo, E. G. & Mustafa, K. A. In Journalism In Good Faith: Issues and Practices In Religion Reporting. Shah Alam: Marshall Cavendish (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Pan, Z. & Kosicki, G. M. (1993). Framing Analysis: An Approach to News Discourse. Political Communication, 10(1): 55-75.
- Poindexter, P. M., Smith. L & Heider. D. (2003). Race and Ethnicity in Local Television News: Framing, Story Assignments and Sources Selections. Journal of Broadcasting & Electronic Media, 47(4): 524-536.
- Reese, S. D. (2001). Framing public life: A Bridging Model For Media Research. (pngr.). Dlm S. D. Reese, O. H. Gandy, & A. E. Grant. Framing Public Life: Perspectives on Media And Our Understanding of the Social World. Hlm. 7-32. London: Lawrence Erlbaum Associates.
- Scheufele, D. A., & Tewksbury, D. (2007). Framing, Agenda Setting and Priming: The Evolution of Three Media Effects Models. Journal of Communication, 57: 9-20.
- Semetko, H.A. & Valkenburg, P.M. (2000). Framing European Politics: A Content Analysis of Press and Television News. Journal of Communication, 50(2): 93-109.
- Shoemaker, P. J., & Reese, S. D. (1996). Mediating the Message: Theories of Influence on Mass Media Content. Edisi ke-2. New York: Longman.

- Takeshita, T. (1997). Exploring the Media's Roles in Defining Reality: From Issue-Agenda Setting to Attribute-Agenda Setting. (pngr.). Dlm. McCombs, D. Shaw & D. Weaver. *Communication and Democracy: Exploring the Intellectual Frontiers in Agenda-Setting Theory*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Viswanath, K. & Arora, P. (2000). Ethnic Media in the United States: An Essay on Their Role in Integration, Assimilation and Social Control. *Journal of Mass Communication and Society*, 3(1): 39-56.
- Zhao, Z. & Postiglione, G. A. (2010). Representations of Ethnic Minorities in China's University Media. *Discourse: Studies in the Cultural Politics of Education*, 31(3): 319-334.